

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
NEGERI PERLIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026
PRINSIP PERAKAUNAN
Tingkatan 5
Kertas 2
2 Jam 30 minit
Bahagian Maklumat Soalan**



JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN KEPADA CALON

1. **Bahagian maklumat soalan kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
2. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
3. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
4. **Bahagian ruangan jawapan dan bahagian maklumat soalan kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan secara berasingan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

1. (a) Nyatakan entiti perniagaan berdasarkan maklumat berikut:

	Ciri-ciri Perniagaan	Entiti Perniagaan
(i)	- Modal disumbangkan oleh pemilik - Liabiliti tidak terhad	
(ii)	- Modal dikumpulkan melalui fi masuk dan jualan saham - Liabiliti terhad	

[2 markah]

- (b) Akaun berikut adalah berkaitan dengan Perniagaan Syamsul.

Kod Item	Jenis Akaun
1000 - 1999	Aset Bukan Semasa
2000 - 2999	Aset Semasa
3000 - 3999	Liabiliti Bukan Semasa
4000 - 4999	Liabiliti Semasa
5000 - 5999	Ekuiti Pemilik
6000 - 6999	Hasil
7000 - 7999	Belanja
8000 - 8999	Kontra

Cadangkan satu Kod Item bagi Akaun Ambilan dan Akaun Simpanan Tetap?

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut diperoleh daripada Mahkota Trading pada 31 Disember 2025.

	RM
Modal Awal	35 000
Modal Akhir	42 500
Ambilan	3 800
Rugi Bersih	1 900

Hitungkan jumlah Modal Tambahan.

[2 markah]



- (d) Berikut adalah petikan Belanjawan Tunai bagi Perniagaan Kencana bagi bulan Ogos 2026.

Belanjawan Tunai bagi bulan Ogos 2026 (Petikan)

	RM
Baki awal	1 800
Jumlah Penerimaan	15 700
Jumlah Pembayaran	12 200
Lebih / (Kurangan)	X
Baki akhir	Y

Hitungkan nilai **X** dan **Y**.

[2 markah]

- (e) Berikan **dua** sebab berlakunya pembubaran perkongsian.

[2 markah]

2. Iman, Luqman dan Syakir merupakan pekongsi dalam Perkongsian ILUSY Empire yang menjalankan perniagaan di Kangar Jaya, Perlis.

Imbangan duga perkongsian tersebut pada 31 Mei 2026 adalah seperti berikut:

Perkongsian ILUSY Empire
Imbangan Duga pada 31 Mei 2026

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal 1 Jun 2025:		
Iman		50 000
Luqman		30 000
Syakir		10 000
Akaun Semasa 1 Jun 2025:		
Iman		1 890
Luqman		1 650
Syakir	1 700	
Ambilan:		
Iman	2 000	
Luqman	2 500	
Syakir (1 Disember 2025)	1 000	
Untung Bersih		37 200
Gaji Iman	6 000	
Gaji Luqman	5 000	
Bank	38 200	
Tunai	6 820	
Kenderaan	75 000	
Perabot	16 500	
Susut nilai terkumpul kenderaan		15 000
Akaun Belum Terima	6 400	
Akaun Belum Bayar		5 380
Pinjaman Iman		10 000
	161 120	161 120

**Maklumat tambahan:**

- (a) Pelarasan berikut belum diambilkira:
 - (i) Faedah atas pinjaman Iman belum dijelaskan.
 - (ii) Insurans prabayar berjumlah RM1 200.
 - (iii) Baki Akaun Belum Terima RM570 dianggap sebagai hutang lapuk.
- (b) Ikatan perjanjian perkongsian mereka telah menetapkan perkara berikut:
 - (i) Faedah atas modal 5% setahun.
 - (ii) Faedah atas ambilan 5% setahun.
 - (iii) Faedah atas pinjaman 8% setahun.
 - (iv) Gaji Iman dan Luqman masing-masing RM10 000 setahun.
 - (v) Untung dan rugi dibahagi antara Iman, Luqman dan Syakir mengikut nisbah 3:2:1.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata pelarasan untung bersih bagi tahun berakhir 31 Mei 2026. [4 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2026. [7 markah]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan). [7 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2026. [7 markah]

3. Pada 1 Mac 2026 buku tunai Perniagaan Nadiyah menunjukkan baki tunai sebanyak RM470 dan baki bank pula menunjukkan baki kredit sebanyak RM1 063.

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan urus niaga tunai dan bank yang belum direkod oleh perniagaan.

Tarikh	Urus niaga	No. Cek	RM
2026			
Mac 2	Terima cek daripada Anggun		1 368
3	Jualan tunai		280
5	Bayaran kepada Perniagaan Zali	10000371	123
7	Tunai dibankkan		325
8	Bayaran kepada Bengkel Zamry	10000372	420
12	Terima cek daripada Huat		946
15	Terima tunai untuk sewa		100
18	Jualan tunai		675
22	Bayaran Utiliti	10000373	255
26	Belian tunai		120
29	Bayaran kepada Bella Enterprise	10000374	526

- (a) **Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai (dua ruangan) untuk merekod urus niaga berkenaan dan mengimbangkannya pada 31 Mac 2026.

[14 Markah]

- (b) Berikut adalah Penyata Bank bagi bulan Mac 2026 yang diterima oleh Perniagaan Nadiyah.

Penyata Bank

Tarikh	Butiran	Debit	Kredit	Baki
2026		RM	RM	RM
Mac 1	Baki b/b			1 063 (dt)
2	Deposit		1 368	305 (kt)
	Faedah Overdraf	75		230 (kt)
8	Deposit		325	555 (kt)
13	Deposit		946	1 501 (kt)
14	Lesen Perniagaan-Perintah sedia ada	60		1 441 (kt)
	Dividen- Syarikat Azi		50	1 491 (kt)
17	Cek 10000371	213		1 278 (kt)
	Insurans	240		1 038 (kt)
18	Buku Cek	30		1 008 (kt)
24	Akaun Belum Terima: Syah		167	1 175 (kt)
28	Cek 10000372	420		755 (kt)

Maklumat Tambahan:

- (i) Cek bernombor 10000371 telah tersalah catat di dalam Buku Tunai.

Berdasarkan jawapan anda di 3(a), **anda dikehendaki:**

- (a) Mengemaskini buku tunai (ruangan bank sahaja). [8 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2026. [3 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

4. Kilang Kangar Apparel ialah sebuah perniagaan yang mengeluarkan pakaian harian. Berikut ialah maklumat yang dipetik daripada buku perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 30 November 2025.

	1 Disember 2024	30 November 2025
	RM	RM
Inventori:		
Bahan langsung	9 123	7 527
Kerja dalam proses	3 223	4 565
Barang siap	2 400	3 200
Alat-alat kilang	690	130
		RM
Belian bahan langsung		98 226
Insurans atas belian		837
Angkutan keluar		2 454
Angkutan masuk		2 825
Pulangan jualan		645
Gaji operator pengeluaran		42 700
Gaji buruh tak langsung		10 400
Gaji pekerja pejabat		9 800
Bahan tak langsung		2 900
Sewa		36 000
Kadar bayaran		4 200
Mesin (kos)		120 000
Susutnilai terkumpul mesin		54 000
Alatan pejabat (kos)		9 200
Susut nilai alatan pejabat		920
Royalti		2 970
Insurans		6 000
Belanja pembaikan		2 400
Diskaun diberi		1 255
Minyak pelincir kilang		5 000
Belanja am:		
Pejabat		2 800
Kilang		1 250
Jualan		310 000



Maklumat tambahan :

- (i) Sewa tahunan ialah RM54 000.
- (ii) Pulangan belian bahan langsung RM230 masih belum dicatatkan dalam mana-mana buku.
- (iii) Mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan manakala alatan pejabat disusutnilaikan 5% atas kos.
- (iv) Gaji operator pengeluaran bulan November 2025 sebanyak RM6 200 belum dibayar.
- (v) Angkutan masuk RM500 tersalah catat dalam akaun angkutan keluar.
- (vi) 5% daripada minyak pelincir kilang belum digunakan.
- (vii) Gaji buruh tak langsung RM800 belum dibayar.
- (viii) Agihan perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah mengikut nisbah berikut:

	Kilang		Pejabat
Sewa	1	:	1
Kadar bayaran	3	:	1
Insurans	3	:	2
Belanja pembaikan	2	:	1

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 November 2025.

[20 markah]

5. Abrar Enterprise merupakan perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di Taman Perwira, Kangar, Perlis. Berikut adalah baki-baki akaun yang diambil daripada buku perakaunan perniagaan berkenaan pada 31 Disember 2025.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Inventori pada 1 Januari 2025	8 250	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	17 000	10 110
Bank	28 000	
Lengkapan (kos)	12 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		4 260
Kenderaan (kos)	48 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		29 600
Angkutan masuk	1 600	
Angkutan keluar	2 400	
Pulangan	460	700
Belian dan Jualan	55 000	96 300
Utiliti	1 160	
Peruntukan hutang ragu		1 600
Insurans	720	
Komisen	4 000	
Hutang lapuk	300	
Sewa		1 000
Ambilan	6 400	
Gaji	10 000	
Modal		51 720
	<u>195 290</u>	<u>195 290</u>

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

	Produk A	Produk B
	RM	RM
Harga kos	3 356	3 563
Harga Pasaran	3 876	3 267

- (ii) Insurans RM300 dibayar untuk setengah tahun berakhir 30 April 2026.
- (iii) Bil elektrik berjumlah RM325 belum dijelaskan.
- (iv) Peruntukan hutang ragu adalah 3% atas Akaun Belum Terima.
- (v) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (vi) Lengkapan disusutnilaikan 20% setahun atas baki berkurangan.
- (vii) Ambilan barang niaga sebanyak RM250 belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

[11 markah]

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025.

(Tunjukkan modal kerja)

[9 markah]

6.(a) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Bersatu bagi bulan Mei 2026.

Baki dari Lejar Jualan pada 1 Mei 2026

	RM
Sarimah Trading	2 090
Jesnita	1 630
Honey Store	1 280

Baki dari Lejar Belian pada 1 Mei 2026

	RM
Mastura	2 640
Farisha Trading	1 030

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Mei 2026.

- (i) Jumlah belian ialah RM7 130 termasuk belian tunai sebanyak RM1 300.
- (ii) Jualan kredit dan jualan tunai mencatatkan nilai sebanyak RM4 560 dan RM2 200.
- (iii) Pulangan belian dan Pulangan jualan bernilai RM200 dan RM380.
- (iv) Cek diterima daripada pelanggan berjumlah RM6 320 termasuk hutang lapuk terpulih RM300. Pelanggan diberi diskaun RM230.
- (v) Cek bernilai RM4 700 dikeluarkan kepada pembekal dan menerima diskaun sebanyak RM440.
- (vi) Pemilik Sarimah Trading telah meninggal dunia dan baki hutangnya berjumlah RM340 dihapuskan.
- (vii) Caj pengangkutan RM250 telah dikenakan oleh Mastura.
- (viii) Honey Store telah membayar baki hutangnya pada 1 Mei tetapi dipulangkan oleh bank dengan arahan "Rujuk Penyuruh Bayar". Diskaun diberi RM80 telah dibatalkan.
- (ix) Pindahan baki dari lejar jualan ke lejar belian sebanyak RM620.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima. [7 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar. [5 markah]

- 6.(b) Mifzal Enterprise merupakan sebuah perniagaan menjual alatan sukan. Berikut adalah penyata kewangan bagi perniagaannya.

Mifzal Enterprise

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

	RM
Jualan	42 000
(-) Kos Jualan	(26 000)
Untung kasar	16 000
(-) Belanja	(5 000)
Untung Bersih	11 000

Mifzal Enterprise

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025

	RM	RM
Kenderaan	25 000	
Akaun Belum Terima	3 000	
Bank	9 000	
Inventori	4 000	
	41 000	
Modal	27 000	
Untung Bersih	11 000	
Akaun Belum Bayar	3 000	
	41 000	

Anda dikehendaki menghitung perkara berikut:

- (i) Tokokan
- (ii) Margin untung kasar
- (iii) Kadar pusing ganti inventori
- (iv) Pulangan atas modal

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT